



APA YANG PERLU DILAKUKAN JIKA ANDA MEMPUNYAI HUTANG TIDAK TERKAWAL?

Akui. Analisis. Ambil tindakan

Berikut adalah tiga langkah yang boleh anda ambil untuk menangani masalah hutang tidak terkawal:

1 Akui anda mempunyai masalah hutang tidak terkawal

- Jangan menafikannya. Mengaku bahawa anda mempunyai masalah terutamanya jika anda sedang mengalami beberapa tanda yang dibincangkan di awal bab ini
- Jangan menambahkan lagi hutang. Ini termasuk membeli barangan dan perkhidmatan menggunakan kad kredit anda

2 Analisis situasi untuk menilai kedudukan kewangan anda

- Kemas kini semua penyata pinjaman anda untuk mengetahui jumlah hutang yang sebenarnya
- Bandingkan jumlah pembayaran balik hutang dengan pendapatan anda
- Bayar balik hutang anda mengikut keutamaan. Dulukan bayar pinjaman dan hutang tertunggak yang mempunyai kadar faedah yang tinggi

